

26/07/2002

Kabinet kaji tindakan ganas penyokong Pas

PASIR GUDANG, Khamis - Kerajaan perlu bertindak segera menangani kempen ganas penyokong parti pembangkang supaya tidak berlaku rusuhan setiap kali diadakan pilihan raya kecil dan umum.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan perlu mengkaji fungsi dimainkan agensi keselamatan seperti polis kerana Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada masa ini tidak mempunyai kuasa melakukan penguatkuasaan.

Beliau berkata, kerajaan dan SPR pada masa ini tiada cara untuk menyekat keganasan ketika berkempen, menyebabkan penyokong parti pembangkang bertindak keterlaluan.

Sehubungan itu, katanya, Kabinet juga sedang mengkaji secara serius setiap laporan perbuatan penyokong Pas ketika berkempen yang mempunyai unsur ganas, maki hamun, fitnah peribadi dan perbuatan lucah yang dikemukakan Umno.

"Pada mulanya kita ingat (laporan tindakan ganas penyokong Pas) tidak begitu serius, tetapi selepas terima laporan nampaknya ia menjadi serius. Kabinet sedang kaji laporan termasuk yang baru diserahkan dan yang belum lengkap.

"Kalau aliran (berkempen tidak beretika) ini berterusan, saya khuatir berlaku rusuhan setiap kali berlaku pilihan raya kecil dan umum pada masa depan," katanya pada sidang akhbar selepas melawat Pelabuhan Johor di sini, petang ini.

Pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, baru-baru ini, penyokong parti pembangkang melakukan kempen berunsur ganas, ugutan, maki hamun dan perbuatan lucah.

Ini termasuk kejadian selak kain dan menunjukkan kemaluan kepada petugas Puteri Umno, menahan, menendang kenderaan yang membawa perayu undi Barisan Nasional (BN) dan penyebaran risalah menghina peribadi dan fitnah dengan memberi pelbagai gelaran kepada pemimpin kerajaan.

Selain itu, SPR juga menyifatkan kempen pilihan raya kecil itu sebagai paling buruk dan memalukan sehinggakan suruhanjaya itu menubuhkan Pasukan Pemantau Kempen Pilihan raya sebagai langkah awal dalam mengelak kempen tidak beretika pada masa depan.

Pasukan itu akan bertindak sebagai badan pengaman sepanjang tempoh kempen pilihan raya yang disertai anggota pasukan keselamatan, pegawai SPR dan calon dari semua parti yang bertanding.

Terdahulu, Perdana Menteri bersama rombongan meluangkan masa lebih sejam melawat dan meninjau sekitar kawasan operasi Pelabuhan Johor, diiringi Mohd Taufik.

Selain itu, beliau melawat kapal pengorek pasir milik Inai Kiara Sdn Bhd.